

BAHASA MELAYU TAHUN 6

UNIT 17 BUDI YANG BAIK DIKENANG JUA

Nama :
Kelas :

Biar Putih Tulang

Sambung cerita di bawah ini.

Alkisah pada zaman dahulu, kehidupan sekumpulan haiwan di sebuah negeri umpama tikus jatuh ke beras. Mereka hidup aman damai.

Malangnya, pada suatu hari, negeri mereka telah diserang oleh jentolak. Negeri mereka telah diceroboh secara haram. Dengan rakusnya, jentolak itu menumbangkan pokok-pokok yang telah berusia beratus-ratus tahun.

Syahadan, Sang Gajah yang gagah seperti Badang memanggil warga negeri itu berkumpul.

Seterusnya, Sang Gajah berkata "Wahai penduduk negeri Indah Permai, bersatu kita teguh, bercerai kita roboh!"

"Marilah kita bersatu hati mempertahankan negeri ini hingga titisan darah terakhir," kata Sang Merang.

Tiba-tiba, haiwan-haiwan di situ terdengar suatu suara.

"Ah, aku mahu lari dari sini!" kata Sang Biawak yang menyebabkan haiwan lain terpaksa bagaikan dipanah halilintar.

"Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri. Aku tetap cinta akan negeriku," kata Sang Siput sambil mengesot ke arah Sang Biawak.

"Biar putih tulang, jangan putih mata," kata Sang Gajah.

Akhirnya, _____.

